



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN  
HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2006/07**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGATURCARAAN WEB  
KOD MATA PELAJARAN : BIT 3153  
KURSUS : 3 BIT  
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006  
JANGKA MASA : 3 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 MUKA SURAT

**BAHAGIAN A**

Arahan: Nyatakan sama ada pernyataan berikut **BENAR** atau **PALSU**.

- S1** Kod aturcara PHP yang dilarikan di komputer pelayan akan bertukar menjadi skrip HTML sekiranya dilihat dari pelayar komputer pelanggan.
- S2** Kelajuan aturcara Javascript bergantung kepada kelajuan komputer pelanggan.
- S3** Katalaluan yang dienkríp menggunakan fungsi *Secure Hash Algorithm 1 (SHA-1)* boleh didekríp (*decrypt*) semula menggunakan fungsi yang sama.
- S4** `<? $result = mysql_query("SELECT * FROM user"); echo $result;?>`  
Pernyataan 'echo \$result;' digunakan untuk memaparkan semua data yang ada dalam jadual *user*.
- S5** *MySQL Dump* merupakan teknik menyalin pangkalan data di mana data-data disimpan di dalam bentuk arahan SQL yang boleh dibaca oleh manusia.
- S6** Sekiranya anda mencapai pembolehubah dari borang menggunakan `$HTTP_POST_VARS[]`, kod anda akan menjadi bersifat tidak mudah alih berbanding jika anda menggunakan cara yang lain kerana ada versi PHP yang tidak menyokongnya.
- S7** Kod `<?php $tireqty=10; echo "$tireqty tires"; ?>` akan menghasilkan output `10 tires`.
- S8** Kod `<?php echo sprintf("$%2.2f", 25.99); ?>` akan menghasilkan output `25.99`.
- S9** Fungsi `asort()` sekiranya digunakan ke atas tatasusunan, akan melakukan susunan berdasarkan nilai pembolehubah dan bukannya kunci (*key*) kepada pembolehubah.

**S10** Apabila *register\_globals* disetkan *off*; ini bermakna capaian `$_POST[ ]` tidak dapat digunakan lagi.

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

**S11** Nyatakan output bagi setiap yang berikut :

- (a) `$nama='ahmad'; echo ucfirst($nama);`
- (b) `$balance=65667.00; $number_format(accountBalance, 2, '.', ',');`
- (c) `echo sprintf("%1.2f", (12.56666));`
- (d) `echo round(12.052, 2);`
- (e) `echo sprintf("%05d", 3);`

(10 markah)

## BAHAGIAN C

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

- S12** (a) Tukarkan kod aturcara berikut ke dalam bentuk struktur kawalan `if else`

```
(!$_GET['start']) ? $start = 0 : $start =
$_GET['start'];
```

(5 markah)

- (b) Berdasarkan keratan aturcara dalam soalan S12(a) apakah nilai `$start` sekiranya `(!$_GET['start'])` adalah benar?

(1 markah)

- (c) Tuliskan kod aturcara ringkas untuk memastikan sama ada butang *Submit* sesebuah halaman telah diklik atau pun tidak oleh pengguna. Sekiranya ia belum diklik, maka paparkan arahan "Sila Klik". Jika telah klik, paparkan "Terima kasih".

(6 markah)

- (d) Simpan data-data yang berikut di dalam tatasusunan dua dimensi dan kemudian paparkan kandungan tatasusunan tersebut menggunakan struktur kawalan `foreach`.

Tayar	->	150
Lampu	->	70
Stering	->	120

(8 markah)

- S13** (a) Apakah perbezaan di antara *session* dan *cookies*.

(4 markah)

- (b) Apakah kegunaan *session*? Beri jawapan anda dengan mengaitkannya dengan laman web yang mengendalikan jualan dalam talian dan menggunakan sistem *shopping cart*.

(6 markah)

- (c) Seorang pelawat telah melawat ke laman utama sebuah komuniti dan telah log masuk ke dalam akaunnya. Nama pengguna dan kata laluan telah disahkan benar dan nama pengguna itu kemudian disimpan di dalam *session*. Tuliskan aturcara bagi sebuah halaman lain di mana laman ini akan memeriksa terlebih dahulu sama ada nama pengguna telah disimpan di dalam *session* ataupun tidak. Sekiranya tiada nama pengguna, pengguna perlu diberi amaran supaya log masuk terlebih dahulu. Sekiranya telah ada, pindahkan nama yang disimpan dari *session* tersebut ke dalam pembolehubah tempatan. Kemudian ucapkan Selamat Datang diikuti nama pengguna tersebut.

(8 markah)

- S14** (a) Nyatakan fungsi kedua pembolehkan di bawah ini. Adakah terdapat perbezaan antara keduanya dan dimanakah anda boleh meletakkan nilai pembolehkan yang disimpannya.
- `$_SERVER['DOCUMENT_ROOT']`
  - `$HTTP_SERVER_VARS['DOCUMENT_ROOT']`.
- (4 markah)
- (b) Apakah perbezaan fungsi `trim()` dan `str_pad()` ?
- (4 markah)
- (c) Tuliskan sebuah aturcara yang digunakan untuk memeriksa kewujudan sebuah fail dan dapat memindahkan data-datanya ke dalam pembolehkan tempatan. Sekiranya fail tersebut tidak wujud maklumkan kepada pengguna mengenainya.
- (12 markah)
- S15** (a) Terdapat sebuah jadual bernama *Info* seperti yang ditunjukkan di bawah. Jadual ini disimpan di dalam pangkalan data MySQL bernama *Bintang*. Nama pengguna bagi pangkalan data ialah *pengguna1* dan kata laluan ialah *qwe123*. Tuliskan kod aturcara untuk mewujudkan sambungan sahaja ke pangkalan data ini.
- (4 markah)

**Jadual 1 : Jadual Info**

Nama	Umur
Ahmad	21
Siti	23
Abu	22

- (b) Kod dalam soalan S15(a) disimpan dalam satu fail bernama *db.inc*. Sebuah aturcara *papar.php* hendak memanggil *db.inc* bagi mewujudkan sambungan ke pangkalan data. Tuliskan aturcara bagi *papar.php* ini di mana ia akan memaparkan data-data yang terdapat dalam jadual *Info* mengikut turutan abjad nama. Selain itu sekiranya sambungan ke pangkalan data gagal, aturcara *papar.php* mestilah dihentikan serta-merta secara automatik.
- (10 markah)
- (c) Tuliskan aturcara kod php untuk memasukkan data ke dalam jadual Info di atas. Data-data tersebut ialah *Adi* untuk nama dan *26* untuk umur. Sekiranya kemasukan data gagal, aturcara akan maklumkan kepada pengguna mengenainya.
- (6 markah)